

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB TUAN WONG CHEN [KELANA JAYA]**

**TARIKH :
SOALAN :**

YB Tuan Wong Chen [Kelana Jaya] minta Menteri Kesihatan menyatakan bilangan doktor-doktor gigi di hospital kerajaan di setiap negeri dan berapakah yang diperuntukkan untuk Bahagian Pergigian di setiap hospital kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua,

Pada 31 Disember 2014, jumlah pakar dan pegawai pergigian yang bertugas di 66 buah hospital kerajaan di Malaysia adalah seramai 520 orang yang terdiri daripada 121 pakar pergigian (23.3%) dan 399 (76.7%) pegawai pergigian (rujuk Lampiran A). Sehingga kini, 44 orang pegawai sedang menjalani tempoh pewartaan kepakaran dan 44 orang pegawai lagi dijangka akan melapor diri setelah tamat pengajian kepakaran pada tahun 2015.

Bidang kepakaran yang ditempatkan di hospital terdiri daripada Bedah Mulut, Pergigian Pediatrik, Pergigian Keperluan Khas, Patologi & Perubatan Mulut dan Pergigian Forensik.

Penempatan Pakar Patologi Mulut & Perubatan Mulut adalah di mana-mana hospital yang mempunyai makmal patologi manakala Pakar Pergigian Forensik mengikut zon.

Penempatan pakar dan pegawai pergigian yang *ideal* adalah yang mengikut panduan outfit perjawatan dengan mengambil kira jenis fasiliti kesihatan dan *Blueprint Specialty and Subspecialty Framework of Ministry of Health Hospitals 10MP*.

Namun pada masa ini, penempatan pakar dan pegawai pergigian di hospital adalah berpandukan keadaan setempat seperti ketersediaan infrastruktur hospital dan ruang.

Hospital kerajaan diklasifikasikan kepada:

- Hospital negeri
- Hospital major
- Hospital minor
- *Non-specialist hospitals*
- *Medical institutions and special hospitals*

Norma outfit perjawatan adalah seperti berikut:

a. Di hospital negeri:

tiga (3) Pakar Bedah Mulut, dua (2) Pakar Pergigian Pediatrik, satu (1) Pakar Pergigian Keperluan Khas serta maksima tujuh belas (17) orang Pegawai Pergigian;

b. Di hospital major:

Dua (2) pakar Bedah Mulut, satu (1) Pakar Pergigian Pediatrik, satu (1) Pakar Pergigian Keperluan Khas serta maksima sebelas (11) orang Pegawai Pergigian; dan

c. Di hospital minor:

Satu (1) pakar Bedah Mulut dan satu (1) Pakar Pergigian Pediatrik / satu (1) Pakar Pergigian Keperluan Khas. serta maksima lima (5) orang Pegawai Pergigian.

Ketetapan ini akan dikaji dari semasa ke semasa mengikut keperluan perkhidmatan.

Tuan Yang di-Pertua,

Secara ideal adalah pakar dan pegawai pergigian diperuntukan di hospital-hospital kerajaan mengikut outfit perjawatan di atas. Namun, ketetapan ini belum dapat dicapai kerana bilangan pakar pergigian yang terhad seperti di lampiran A. Di samping itu, KKM juga menghadapi kekangan infrastruktur lama yang tidak membenarkan ruang penempatan untuk anggota dan peralatan pergigian yang diperlukan. Justeru, kekangan ini menghadkan penyampaian perkhidmatan pergigian hospital yang dapat disalurkan kepada rakyat.

Oleh itu, pembinaan fasiliti baru dengan komponen pergigian memastikan peruntukan pakar dan pegawai pergigian di hospital dapat dilaksana dan seterusnya dapat memberi kita mekanisme untuk mencapai norma outfit yang diperlukan.